

**Kerusi Datuk Bandar Panas Kerana Rakyat Harap Perkhidmatan Terbaik - Ahmad Phesal Bernama
17 Julai, 2012**

PUTRAJAYA, 17 Julai (Bernama) -- Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Datuk Ahmad Phesal Talib yang baru dilantik sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur berkata beliau menyedari jawatan itu sebagai "kerusi panas" dan menjadi perhatian masyarakat bandar.

"Orang ramai mengharapkan perkhidmatan yang baik daripada sumbangan yang mereka berikan dalam bentuk assessment (cukai) and mereka inginkan kehidupan bandar yang lebih baik," katanya.

"Selain itu pihak yang menjalankan aktiviti ekonomi juga memerlukan perhatian. Misalnya penjaja mengharapkan peluang dan tempat baik untuk berniaga.

"Begitu juga pelabur dan pemaju yang mengharapkan perkhidmatan yang terbaik. Itu yang menyebabkan jawatan Datuk Bandar dianggap kerusi "panas," kata beliau.

Kebiasaannya sebarang isu dan kontroversi yang berlaku (di bandaraya) sering dikaitkan dengan Datuk Bandar, katanya selepas majlis perhimpunan bulanan kementerian dan pelancaran Taska Sejahtera Seri Wilayah di sini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681402>

